

20<sup>th</sup> May 2001

**Yang Berbahagia**  
***As-Sohibus-Samaahah***  
**Tuan Mufti Singapura**  
**Pengerusi Jawatankuasa Fatwa**  
**Syed Esa Bin Mohd Bin Semait**  
**Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)**  
**Islamic Centre of Singapore**  
**273 Braddel Road**  
**Singapore 579702**

**Tuan Mufti,**

*As-salaamu 'alaykum warah matullaahi wabarakaatuh*  
*Bis-millaahir-rah-maa-nir-rahiim*

Per: Wasiyyah Hj Yusoff B Hj Mohd Noor

***Muqaddimah***

1. Saya adalah salah seorang Pengamanah(*al-Wassiy*) yang dilantik untuk menjaga estet peninggalan Allahyarhamhu Hj Yusoff B Hj Mohd Noor (*al-Musi*). Beliau meninggal pada tanggal 16hb Oktober 1950 dan *wasiyyah* beliau terdaftar melalui 'grant of probate' dan dijalankan oleh pengamanah sejak 1<sup>hb</sup> Desember 1951.
2. Sebagai salah seorang pengamanah (didalam 'probate' disebut sebagai Trustee), saya merasa bertanggung jawab untuk melaksanakan setiap tuntutan *wasiyyah* tersebut, dengan syarat ianya sah dan tidak menyalahi hukum-hakam *Shari'ah* Islam. Saya sedar akan amaran Allah s.w.t., mengenai *wasiyyah*, dalam firman Nya:

*"Maka barangsiapa yang mengubah wasiat itu, setelah ia mendengarnya, maka sesungguhnya dosanya adalah bagi orang-orang yang mengubahnya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."*

*(Our'an : Surah al-Baqarah : 2 : 181)*

3. Saya disini ingin mendapatkan penjelasan dari Tuan Mufti, dan Jawatankuasa Fatwa mengenai *Wasiyyah* yang saya diamanahkan untuk menjaga dan melaksanakan. Supaya persoalan dan isu ini tidak disalah-tanggap, izinkan saya

menerangkan dahulu segala butir dan maklumat serta latar belakang yang relevan dengan soalan saya itu:

4. **Persolaan tentang kasahihan wasiyya.**

Apabila saya dilantik sebagai pengamanah (yakni bukan pengamanah asal), didalam meneliti 'probate' (*Wasiyyah* yang tertulis), isu tentang apakah sah atau tidak *wasiyyah* tersebut menurut perundangan Islam, memang menjadi salah-satu keprihatinan saya. Di bawah ini adalah penerangan berkenaannya.

**KESELURUHAN TIRKAH HARTA PENINGGALAN ALLAHYARHAMHU HJ YUSOFF**  
(*Taksiran nilainya ditetapkan selepas kematian beliau disekitar tahun 1951*)

Wang dalam simpanan Bank	\$ 6,119.92
Alat serta segala perabot dan sebuah kereta.	\$ 2,706.00
(1) Lot 440	\$ 28,000.00
(2) Lot 50-13	\$ 5,500.00
(3) Lot 50-14	\$ 5,500.00
(4) Lot 235	\$ 9,000.00
(5) Lot 223	\$ 4,500.00
(6) Lot 69-19	\$ 5,500.00
(7) Lot 278	\$ 29,000.00
(8) Lot 269-17	\$ 5,000.00
(9) Lot 185-8	\$ 3,000.00
(10) Lot 313-3	\$ 10,000.00
(11) Lot 147-2	\$ 5,500.00
(12) Lot 148-10	\$ 5,500.00
(13) Lots 125,126,127 & 128	\$ 16,000.00
(14) Lot 379-7	\$ 4,500.00
(15) Lot 286	\$ 9,000.00
(16) Lot 199	\$ 5,500.00
(17) Lot 2-3	\$ 5,000.00
(18) Lot 2-10	\$ 11,000.00
(19) Lot 2-6	\$ 11,000.00
(20) Lot 364-4	\$ 9,500.00
(21) Lot 80-12	\$ 12,500.00
(22) Lot 42-9	\$ 6,000.00
(23) Lot 256-3	\$ 6,000.00
(24) Lot 175	\$ 5,000.00
(25) Lot 11-273	\$ 6,500.00
(26) Lot 11-681	\$ 6,500.00
(27) Lot 11-683	\$ 6,500.00
(28) Lot 11-685	\$ 6,500.00
(29) Lot 11-686	\$ 6,500.00
(30) Lot 11-688	\$ 6,500.00
(31) Lot 160	\$ 6,500.00
(32) Lot 53	\$ 9,500.00
(33) Lot 255-19pt (Pt.Lot17)	\$ 4,000.00
(34) Lot 141-38	\$ 3,000.00
(35) Lot 230-6	\$ 3,500.00

(36) Half-share in Lot 11-690	\$ 3,000.00
(37) Hartanah yang ada di Muar dan Pulau Pinang	\$ 72,785.17
<b>JUMLAH NILAI KESELURUHAN HARTA PENINGGALAN</b>	<b>\$367,111.09</b>
<i>Harta yang diamanahkan untuk di jaga menurut Wasiyyah (in Trust<sup>1</sup>)</i>	
(1) Lot 440	\$ 28,000.00
(2) Lot 50-13	\$ 5,500.00
(3) Lot 50-14	\$ 5,500.00
(6) Lot 69-19	\$ 5,500.00
(7) Lot 278	\$ 29,000.00
(8) Lot 269-17	\$ 5,000.00
(11) Lot 147-2	\$ 5,500.00
(12) Lot 148-10	\$ 5,500.00
(14) Lot 379-7	\$ 4,500.00
(15) Lot 286	\$ 9,000.00
(16) Lot 199	\$ 5,500.00
(17) Lot 2-3	\$ 5,000.00
(20) Lot 364-4 - one unit only	\$ 4,750.00
(22) Lot 42-9	\$ 6,000.00
(23) Lot 256-3	\$ 6,000.00
(24) Lot 175	\$ 5,000.00
(25) Lot 11-273	\$ 6,500.00
(26) Lot 11-681	\$ 6,500.00
(27) Lot 11-683	\$ 6,500.00
(28) Lot 11-685	\$ 6,500.00
(29) Lot 11-686	\$ 6,500.00
(30) Lot 11-688	\$ 6,500.00
(31) Lot 160	\$ 6,500.00
(32) Lot 53	\$ 9,500.00
<b>JUMLAH NILAINYA</b>	<b>\$190,250.00</b>
<i>Baki harta (tirkah) Allahyarhamhu yang dibahagikan kepada ahli warith menurut hukum Islam (sila rujuk para no. 13 dalam wasiyyah</i>	<b>\$176,861.09</b>

**3.a Dalam penerangan diatas, jelas menunjukkan bahwa Allahyarhamhu (al-Musi) telah memperuntukkan untuk wasiyyah beliau itu lebih dari sepertiga (thuluth).**

- Maka dari itu ianya adalah tidak sah menurut hukum<sup>2</sup>- “*tajuu-zu al-wasyii-yah bi thu-huuth al-maal. Famaa duu-nahu wa laa tajuu-zu (ay laa*

<sup>1</sup> Harta-harta dalam senarai ini adalah dibawah nama Estet Allahyarhamhu, dan bukan diberikan kepada mana-mana *warith*. Walau bagaimana pun ahli *warith* diizinkan tinggal di 2 buah rumah yang diperuntukan, bersama keluarga mereka.

*tasih*)” (.. harus memperuntukkan satu-pertiga atau kurang dari hartanya untuk diwasiatkan, tetapi tidak melebihi dari itu yakni satu pertiga).

- Menurut perundangan Islam, nilai jumlah harta Allahyarhamhu yang boleh diperuntukkan untuk wasiyyah sepatutnya hanya \$122,370.35 (dan bukan \$190,250.00)

### **3.b Tetapi, adakah kerana *Wasiyyah* melebihi had sepertiga (*thuluth*) maka KESELURUHAN *wasiyyah* tersebut dihukumkan sebagai tidak sah?**

- Kami juga memahami akan adanya hukum: “*Jika seseorang mewasiatkan lebih dari sepertiga jumlah hartanya, maka jumlah yang melebihi sepertiga itu sahajalah yang tidak sah*”<sup>3</sup> (yakni dalam kes *wasiyyah* Hj Yusoff ini, harta yang melebihi dari sepertiga adalah bernilai \$67,879.65).
- Daripada hukum ini, dapatlah di rumuskan bahwa harta yang tidak melebihi sepertiga (yakni bernilai \$122,370.35), harus dihukumkan sebagai tetap sah.

*(Note: Harap Jawatankuasa Fatwa dapat mengesahkan sama ada pandangan ini sah atau tidak)*

### **3.c Namun, adakah pengecualian, yakni dengan syarat-syarat tertentu, dimana *wasiyyah* yang melebihi sepertiga (*thuluth*) dihukum sah?**

- Kami dapati dalam rujukan lanjut, terdapat hukum dimana dijelaskan: “*akan tetapi, jika ahli warith (N: atau kelompok ahli-ahli warith dengan sebulat-kata) membenarkannya (yakni terhadap harta yang lebih dari sepertiga), maka wasiyyah itu dihukum sah.*”<sup>4</sup>

*(Note: : Harap Jawatankuasa Fatwa dapat mengesahkan sama ada pandangan ini sah atau tidak)*

### ***Jadi, ada atau tidak keizinan ahli warith terhadap kelebihan sepertiga dalam kes wasiyyah Hj Yusoff ini?***

Menurut catatan *wasiyyah*, baki dari (tirkah) harta peninggalan Allahyarhamhu (bernilai \$176,861.09) telah dibahagikan kepada warith menurut hukum Islam (*al-*

---

<sup>2</sup> rujukan ‘*Umdat al-salik wa’uddat al-nasik*’ (Reliance of the Traveller) Ahmad Naqib al-Misri. The Classic Manual on Islamic Sacred Law, edited and translated by Huh Ha Mim Keller, (revised edition 1994)

<sup>3</sup> *ibid.* page 465 (L3.3)

<sup>4</sup> *ibid.* page 466 (L3.3)

*Faraidh*)<sup>5</sup>. Dalam konteks pada masa tersebut (sekitar tahun 1950's), nilai harta yang diwarithi oleh ahli-ahli warith (walaupun jumlah keseluruhannya kurang dari dua-pertiga), namun ianya sangat lumayan.<sup>6</sup> Dan sekiranya ada ahli warith yang tidak menyetujui akan *wasiyyah* Allahyarhamhu ini, mereka sebagai ahli warith yang sah berhak membuat bantahan (pada masa pembahagian *Faraidh* tersebut). Oleh kerana tiada terdapat bantahan dari mereka, maka ini menunjukkan kesemua ahli *warith* yang berhak telah merelakan kelebihan tersebut (yakni nilai harta yang diwasiatkan). Dan *wasiyyah* ini telah dipatuhi dan berjalan berterusan sejak tahun 1951 oleh pengamanah, dengan penuh kerelaan (*ridha*) ahli-ahli *warith*, terutama sekali apabila Hajjah Aisah Bte Hj Omar (isteri-balu mendiang Hj Yusoff, beliau adalah sebagai ibu dan tunggak famili) masih hidup. (Beliau ini, yakni Hajjah Aisah meninggal disekitar tahun 1980's). Dalam *Wasiyyah* (Probate : *testamentary will*) dijelaskan nama-nama ahli keluarga Allahyarhamhu yang ada pada masa beliau meninggal: Kesemuanya ada sebelas(11) orang *warith*, mereka terdiri dari isteri-balu mendiang serta anak-anak beliau, dan dalam kenyataan itu juga disertakan keberadaan enam-belas (16) cucu-cucu Allahyarhamhu pada masa itu. (Mereka ini disebut dengan istilah '*survivors*'- yang bererti secara lughat 'yang ditinggalkan masih hidup'.)

Dalam kenyataan *wasiyyah* ada dijelaskan masa untuk pembahagian estet ini yang di sebut "date of distribution" viz. "*I further declare that the words "The date of distribution" in this my Will shall mean twenty-one (21) years after the death of the last survivor of my said children and of my said grandchildren."*<sup>7</sup> (Saya istiharkan bahwa masa pembahagian estet (yakni harta yang tersenarai) dalam wasiyyah ini adalah 21 tahun selepas kematian orang terakhir dari kalangan "survivors" – yakni mereka yang disebut diatas).

Dalam ungkapan ini, jelas bahwa Allahyarhamhu ingin memastikan agar tidak akan ada ahli *warith* mendapat bahagian lagi dari pembahagian kedua ini – yakni mereka (ahli *warith*) bukan termasuk golongan penerima pusaka ini (*al-musa-lahu*). Dan kami juga maklum dalam perundangan Islam, *Wasiyyah* jika diberikan kepada *warith* adalah tidak sah.

Dari penerangan dan penjelasan kami diatas, dan atas dalil-dalil yang kami kemukakan, sebagai Pengamanah (executors or Trustees), selama ini kami telah meyakini bahwa *Wasiyyah* Allahyarhamhu Hj Yusoff adalah sah menurut hukum Islam. Maka dari itu sebagai Pengamanah (*al-Wasiyy*), kami berkewajiban untuk menghormati dan menjalankan amanah Allahyarhamhu menurut *wasiyyah* beliau, sehingga masa pembahagian harta-harta ini yang telah ditentukan.

<sup>5</sup> ini juga adalah arahan dalam (*wasiyyah*) untuk dilaksana re:Probate clause No.13 "*I give devise and bequeath all the rest and residue of my property whatsoever and wheresoever situate unto my trustees UPON TRUST to sell call in and convert the same into moneys arising out of such sale calling in and conversion together with the moneys I shall die possessed of UPON TRUST to pay my debts funeral ..... and with the balance to divide the same among my heirs according to Mohamedan Law.*"(Saya mengizinkan melalui wasiat ini, atas segala baki harta saya, apa saja dan dimana saja, sebagai amanah saya kepada Pengamanah untuk menjualnya atau menukarkan harta itu kepada wang, beserta apa saja wang yang ada pada saya setelah saya mati, sebagai satu amanah agar ianya digunakan untuk urusan jenazah saya ..... dan selain wang tersebut di bahagi-bahagikan kepada ahli *warith* saya menurut hukum Islam)

<sup>6</sup> Pada masa itu (tahun 1950) sebuah rumah sewa dua tingkat dalam kawasan bandar (e.g. 161 Kallang Road) bernilai hanya \$5,500.

<sup>7</sup> Clause No.5 in the probate.

## ***Berapakah ahli warith yang kini masih hidup?***

Dari kesebelas ahli *warith* asal yang nama mereka tersenarai dalam 'probate', hanya empat orang sahaja yang masih hidup (pada masa warkah ini ditulis). Mereka adalah Hajjah Salmah, Haji Ismail, Osman and Hajjah Zohrah.

Baru-baru ini, salah satu dari hartanah yang dijaga Pengamanah menurut *Wasiyyah* (one of the properties held in trust<sup>8</sup>) telah diambil oleh kerajaan dan digantikan dengan wang pampasan. Beberapa ahli *warith* serta keluarga *warith* yang lain telah meminta agar wang pampasan tersebut dibahagi-bahagikan. Namun, kami Pengamanah wajib berlaku adil kepada semua yang berhak, termasuk juga menjaga hak Allahyarhamhu tentang *wasiyyah* beliau ini.<sup>9</sup> Terdapat juga dakwaan (dari generasi keturunan Allahyarhamhu yang baru) bahwa *wasiyyah* Hj Yusoff ini adalah tidak sah menurut hukum Islam. Oleh kerana itu, saya bagi pihak Pengamanah merasa bertanggung jawab untuk mendapatkan fatwa dari *Sohibus-Samaahah* Tuan Mufi serta sidang Ulama' dalam Jawatankuasa Fatwa (MUIS) berkenaan *Wasiyyah* tersebut. Soalan-soalan saya adalah sebagai berikut:

### **Soalan untuk dijawab dan diputuskan oleh Majlis Fatwa:**

***[1] Dari latar-belakang yang telah saya jelaskan, saya memohon agar Sohibus-Samahah Tuan Mufi serta Jawatankuasa Majlis Fatwa (MUIS), mengeluarkan fatwa sama ada Wasiyyah Hj Yusoff ini, sah atau tidak sah menurut hukum Islam?***

***[2] Jika sekarang, salah seorang dari ahli warith merobah pandangan beliau dengan mengajukan bantahan terhadap kesahihan wasiyyah tersebut, walaupun 50 tahun telah berlalu (dan mereka ini pernah beserta ahli warith yang asal yang telah mendapat bahagian mereka dalam pembahagian awal. Dan atas kerestuan semua ahli-warithlah maka wasiyyah ini dipatuhi dan dijalankan), wajibkah Pengamanah tetap mematuhi Wasiyyah (yakni tidak mengkhianati ketetapan orang yang berwasiat itu) atau wajibkah Pengamanah menurut kemahuan baru ahli warith tersebut?***

***[3] Jika mana-mana hartanah dibawah pengendalian Pengamanah menurut Wasiyyah ini diwartakan kerajaan untuk di ambil (menurut Akta Pengambilan Tanah) dan wang pampasan diberikan sebagai ganti-rugi, bolehkah wang tersebut***

<sup>8</sup> Item no (32) Lot 53 in the bequest (wasiyya)

<sup>9</sup> Qur'an: An-Nisa':4:135 "Wahai orang-orang yang beriman – jadilah kamu orang-orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan."

**dibahagikan kepada ahli warith yang ada serta ahli keluarga keturunan keluarga Allahyarhamhu yang lain, walaupun belum tiba masanya untuk pembahagian estet menurut ketetapan Wasiyyah? Tidakkah dengan ini Pengamanah boleh dituduh telah mengkhianati Wasiyyah?**

**[4] Kami berharap agar keputusan Majlis Fatwa ini disertakan juga dengan dalil-dalil dan sandaran hujjah (dalaal).**

Saya lampirkan disini dokumen i.e. salinan 'Grant of the Probate' (testamentary Wasiyyah) untuk penelitian pihak Tuan.

Dengan harapan mendapatkan pertimbangan dan keputusan dari pihak Tuan, kami menyerah dan bertwakkal kepada Allah s.w.t.


*Allahu a'lam wa billaahit-taufiq,*

*Allahumma arinal-haq-qa haqqaa, warzuqnat-tibaa'a  
Wa arinal baa-tila baa-tilaa, warzuqnaj-tinaa-ba*

*Wasollallaahu 'alaa say-yidina Muhammadin wa 'alaa aa-lihi  
Wa-soh-bihi wa-sallam*

*Jazaa-kumullaah al-khayr al-jaza'*

*Was-salam*



**ZHULKEFLEE BIN HJ ISMAIL  
Block 716, Bedok Reservoir Road,  
#04-4504, Singapore 470716.**